



## **LALUAN KEMAJUAN KERJAYA DAN KRITERIA KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai Laluan Kemajuan Kerjaya dan Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pegawai Penyelidik (Skim Gred Q) adalah satu skim jawatan yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D), memberi perkhidmatan kepakaran, latihan, khidmat perundangan dan penerbitan artikel dalam bidang yang berkaitan.
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 berkenaan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa 1 Disember 2024 telah menggariskan prinsip kenaikan pangkat tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan secara jawatan gred fleksi seperti mana yang telah diberikan kepada skim-skim perkhidmatan antaranya Pensyarah Universiti, Pegawai Penyelidik dan Akauntan dipanjangkan kepada skim-skim perkhidmatan Pengajar, Pegawai Latihan dan Pegawai Sains.
- 2.3 Dalam melaksanakan urusan ini, Ketua Perkhidmatan perlu mewujudkan kriteria kecemerlangan yang boleh digunakan sebagai kaedah tapisan untuk kenaikan pangkat dan mengemukakannya kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA untuk pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.
- 2.4 Selaras dengan laluan kenaikan pangkat berasaskan kriteria kecemerlangan, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat melaksanakan tugas tambahan di gred kenaikan pangkat yang baharu.

### **3.0 LALUAN KEMAJUAN KERJAYA SKIM PEGAWAI PENYELIDIK**

- 3.1 Mesyuarat Pengurusan Universiti Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 15 Januari 2025 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2025 bertarikh 20 Mac 2025 telah meluluskan laluan kemajuan kerjaya bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik seperti berikut:

Bil	Akauntabiliti	Peratus Pemberat Akauntabiliti Mengikut Laluan Kerjaya		
		Pengurusan Penyelidikan (RM)	Penyelidikan & Pengurusan Penyelidikan (R&RM)	Penyelidikan (R)
1.	<p><b>Aspek Pengurusan Penyelidikan</b></p> <p>Melaksanakan tugas pengurusan penyelidikan bersesuaian dengan penempatan pegawai yang boleh merangkumi tadbir urus pengurusan projek (input, proses, output), pengurusan jurnal, pengurusan perbelanjaan kewangan geran penyelidikan, penyediaan data berkala penyelidikan dan penerbitan PTJ, aset dan sumber manusia.</p>	80	50	20
2.	<p><b>Aspek Penyelidikan &amp; Pembangunan</b></p> <p>Melaksanakan sesuatu proses/aktiviti penyelidikan dalam bidang khusus secara sistematik, saintifik dan ilmiah serta mengandungi unsur perancangan dan pembangunan penyelidikan melalui analisis data yang berterusan serta menyumbang kepada pelaporan/ penerbitan/ pembentangan.</p>	10	40	70
3.	<p><b>Aspek Perkhidmatan, Perundingan &amp; Kepakaran</b></p> <p>Menyelaras dan melaksanakan strategi atau aktiviti yang melibatkan penyediaan perkhidmatan, perundingan dan kepakaran berkaitan bidang khusus dalam penyelidikan atau pengurusan penyelidikan.</p>	10	10	10
<b>Jumlah Pemberat (%)</b>		<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

- 3.2. Pilihan laluan kerjaya yang boleh dipilih bagi seseorang Pegawai Penyelidik berdasarkan PTj penempatan Pegawai Penyelidik tersebut adalah seperti berikut:

PTj	Laluan Kerjaya		
	Pengurusan Penyelidikan (RM)	Penyelidikan & Pengurusan Penyelidikan (R&RM)	Penyelidikan (R)
Pusat Perkhidmatan seperti CRIM, ALAF-UKM, Pusat IDEA dan Pusat INOVASI, JPP-UKM	✓	✓	X
Fakulti-Fakulti	✓	✓	✓
Institut-Institut Penyelidikan	X	✓	✓

- 3.3. Seseorang Pegawai Penyelidik perlu kekal berada di dalam laluan kerjaya yang dipilih untuk tujuan kenaikan pangkat bagi tempoh minimum yang ditetapkan mengikut kriteria kecemerlangan gred kenaikan pangkat yang dimohon.
- 3.4. Seseorang Pegawai Penyelidik yang bertukar PTj perlu kekal dengan laluan kerjaya yang dipilih di PTj lama sekiranya ingin membawa tempoh minimum yang ditetapkan bagi suatu gred kenaikan pangkat. Sekiranya Pegawai Penyelidik berhasrat untuk menukar pilihan laluan kerjaya mengikut keperluan di PTj baharu, tempoh minimum yang ditetapkan bagi suatu gred kenaikan pangkat hendaklah dikira semula.
- 3.5. Penempatan seseorang Pegawai Penyelidik adalah berdasarkan *Subject Matter Expert* (SME) bagi membolehkan kepakaran dan bakat saintifik pegawai dapat dikembangkan.

#### 4.0 KRITERIA KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PEGAWAI PENYELIDIK

- 4.1. Kenaikan pangkat bermaksud peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan yang sama tertakluk kepada kelulusan dan perakuan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat.
- 4.2. Merujuk kepada perbekalan skim perkhidmatan, syarat kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik (Q) adalah seperti berikut:
- 4.2.1. Pegawai Penyelidik Gred Q9/10/12/13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q10/12/13/14 **tanpa tertakluk kepada kekosongan** jawatan apabila telah:
- a. disahkan dalam perkhidmatan;
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - c. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - d. diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- 4.2.2. Pegawai Penyelidik Gred Q14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi **yang kosong** dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
  
- 4.3. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 15 Januari 2025 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2025 bertarikh 20 Mac 2025 telah meluluskan Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik adalah seperti berikut:
  - 4.3.1. **Lampiran A1:** Kriteria kecemerlangan skim perkhidmatan Pegawai Penyelidikan bagi laluan **Pengurusan Penyelidikan (RM)**;
  - 4.3.2. **Lampiran A2:** Kriteria kecemerlangan skim perkhidmatan Pegawai Penyelidikan bagi laluan **Penyelidikan dan Pengurusan Penyelidikan (RRM)**;
  - 4.3.3. **Lampiran A3:** Kriteria kecemerlangan skim perkhidmatan Pegawai Penyelidikan bagi laluan **Penyelidikan (R)**.
  
- 4.4. Senarai semak pencapaian Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik adalah seperti pada **Lampiran B**.